


# Nik Sapeia Masuk Parti PPP?

**BARANGKALI** ramai orang yang tidak mengetahui bahawa ahli perniagaan, Dato' Nik Sapeia Nik Yusof yang telah didakwa di Mahkamah Kota Bharu kerana di tuduh terlibat dengan isu penyembur pemedih mata ke atas Tun Dr Mahathir Mohamad di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa pada 28 Julai, 2006, telah meninggalkan UMNO dan kini menjadi ahli Parti PPP. Nik Sapeia kelihatan berada di Perhimpunan Agung PPP di PWTC tidak lama dulu dengan memakai baju Parti PPP, tetapi beliau seolah-olah menjauhkan diri dari khalayak ramai mungkin untuk mengelakkan diri dari dikenali.

Sementara itu, ketika Tun Dr Mahathir hadir di Mahkamah Kota Bharu untuk memberi keterangan beberapa bulan yang lalu, **ERA BARU** ada bertanyakan kepada Tun Dr Mahathir samada Dato' Nik Sapeia menegur beliau apabila bertemu muka di Mahkamah.

Tun Dr Mahathir memberi tahu bahawa Nik Sapeia ada memberi tabik kepada beliau apabila beliau masuk ke Mahkamah dan juga apabila beliau keluar selepas memberi keterangan.

Dr Mahathir juga memberi tahu bahawa hubungan beliau dengan Nik Sapeia sebelum kejadian itu adalah baik dan mesra. Justeru, beliau merasa hairan mengapa Nik Sapeia tiba-tiba bertindak dan tergamak menyembur beliau.



Presiden PPP, Dato' M. Kayveas

Sementara itu, keputusan Mahkamah samada Nik Sapeia didapati bersalah ataupun sebaliknya belum dapat diketahui lagi meskipun pihak polis dan Mahkamah telah selesai memanggil dan mendapatkan keterangan dari semua saksi yang terlibat.

Dalam perkembangan yang terbaru Presiden PPP, Dato' M. Kayveas mengumumkan bahawa parti itu telah memilih Nik Sapeia untuk bertanding dalam pilihanraya umum akan datang bagi kerusi Parlimen, Kubang Kerian.

Menurut Dato' Kayveas peluang parti itu untuk merampas kerusi tersebut daripada Pas amat cerah. Dalam masa yang sama Kayveas telah mengugut yang parti beliau akan

## Spray shock

Man held over airport incident involving Dr M

BY TAN JACQUELINE

**KOTA BHARU:** Police have arrested a man believed to have sprayed a can of foam at the entrance of the residence of Dr Mahathir Mohamad yesterday after the former prime minister arrived at the Sultan Ismail Petra Airport in Pengkalan Chepa yesterday for a one-day visit.

The man, a Datus, was arrested at 10.20pm, about 12 hours after the incident in Pengkalan Chepa.


An investigation is expected to be produced in a magistrate's court in the morning, he said.

Dr Mahathir, who was surrounded by hundreds of supporters, was standing inside a plane, with his upper body sticking out of the cockpit and speaking to the crowd when the incident occurred at about 7.15pm yesterday.

Police Officer Datus Ser Abdullah Ahmad condemned the incident saying he was angry and regretted that it had occurred. He has ordered the police to



> Dato' Nik Sapeia Nik Yusof... kini dalam perbicaraan di mahkamah Kota Bharu



keluar daripada Barisan Nasional jika permintaannya untuk mendapatkan beberapa kerusi dalam pilihanraya akan datang tidak dilayani.

Keratan akhbar 'The STAR' bertarikh 29 Julai 2006